



# کمنترین سومبر۲ اوتام دان قلنچوغن

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

## KENYATAAN AKHBAR

MAJLIS MEMBACA SURAH YAA SIIN DAN BERTAHLIL BAGI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN IBNI AL-MARHUM SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM, AL-MARHUMAH DULI RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT BINTI AL-MARHUM PENGIRAN BENDAHARA PENGIRAN ANAK ABDUL RAHMAN DAN AL-MARHUM DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA HAJI 'ABDUL 'AZIM IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH BAGI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA

**10 MEI 2021M BERSAMAAN DENGAN 27 RAMADHAN 1442H,  
MASJID ASH SHALIHEEN, KOMPLEKS PEJABAT PERDANA MENTERI**

---

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Mei 2021 – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya pada pagi tadi telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin Dan Bertahlil Bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit Binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman Dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya, bertempat di Masjid Ash Shaliheen, Kompleks Pejabat Perdana Menteri.



## کمنتريڻ سومبر۽ اوتام دان ڦلنچوڻ

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

2. Hadir selaku Tetamu Kehormat di Majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir ialah Yang Mulia Haji Yusree bin Haji Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap I, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Ketua-Ketua Jabatan; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KSSUP dan Jabatan-Jabatan di bawahnya serta ahli jawatankuasa takmir masjid berkenaan.

3. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Yang Mulia Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran, selaku ketua imam Masjid Ash Shaliheen diikuti dengan bacaan Tahlil yang diketuai oleh Yang Mulia Imam Syariff Wafiuddin bin Jemain. Manakala Doa Tahlil dan Peliharakan Sultan dibacakan oleh Yang Mulia Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

4. Majlis berkebajikan ini adalah merupakan aktiviti KSSUP dan Jabatan-Jabatan dibawahnya yang diadakan pada setiap tahun pada bulan Ramadhan bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadhan yang mubarak di samping mendapatkan keberkatan serta ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala. /TAMAT

**Disediakan oleh:**

**Unit Perhubungan Awam**

**Jabatan Perikanan**

**Kementerian Sumber-Sumber Utama & Pelancongan**

**08 Mei 2021**